



KENYATAAN MEDIA
EXCO PEMBANGUNAN WANITA DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI
SELANGOR

SELANGOR ANJUR PERBINCANGAN MEJA BULAT TANGANI ISU KEHAMILAN
LUAR NIKAH DAN STATUS ANAK TIDAK SAH TARAF

1. Kerajaan Negeri Selangor melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS) telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (Round Table Discussion – RTD) Siri 1 bertemakan “Hamil Luar Nikah dan Anak Tidak Sah Taraf: Penambahbaikan Prosedur, Tatacara dan Garis Panduan Mahkamah Syariah” untuk menangani isu kehamilan luar nikah di Selangor.
2. RTD ini menjadi platform strategik untuk mengenal pasti cabaran dalam pelaksanaan undang-undang sedia ada serta meneliti ruang penambahbaikan berkaitan prosedur, tatacara dan garis panduan Mahkamah Syariah dalam menangani isu kehamilan luar nikah dan status anak tidak sah taraf.
3. Tumpuan turut diberikan kepada aspek penentuan nasab, dokumentasi rasmi serta akses kepada hak asas seperti pendidikan dan kesihatan yang melibatkan wanita dan kanak-kanak. Cadangan serta input yang dikemukakan akan dijadikan rujukan dalam usaha memperkukuh prosedur Mahkamah Syariah serta menyokong pembangunan dasar yang lebih responsif dan inklusif di Negeri Selangor.
4. Perbincangan ini menghimpunkan kira-kira 30 peserta yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan negeri dan persekutuan termasuk Jabatan Mufti Selangor, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), pihak berkuasa tempatan, ahli akademik, badan pemikir, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta wakil komuniti.
5. Sesi perbincangan ini dipengerusikan oleh EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor serta turut dihadiri oleh EXCO Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi Negeri Selangor, YB Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah yang berkongsi pandangan berkaitan aspek dasar dan pelaksanaan.
6. Usaha ini selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkukuh perlindungan kanak-kanak, memperkasa kesejahteraan wanita serta memastikan

pendekatan dasar yang lebih menyeluruh dalam menangani cabaran sosial semasa.

YB ANFAAL BINTI SAARI

13 Mac 2026